



# PERADUAN MENCIPTA CENDERAMATA KENANGAN SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENAIKI TAKHTA

## 1. SYARAT-SYARAT

- 1.1 Cenderamata Kenangan hendaklah beridentitikan KeBruneian dan / atau khusus bagi memperingati Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta menurut daya kreativiti masing-masing.
- 1.2 Peraduan ini dibukakan kepada dua (3) kategori :-
  - 1.2.1 **KATEGORI A:** Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam
  - 1.2.2 **KATEGORI B:** Institut Pengajian Tinggi
  - 1.2.3 **KATEGORI C:** Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-Maktab, Pra-Universiti dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)
- 1.3 Bagi kategori Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam hanya dibenarkan menghantar **satu rekaan / penyertaan** sahaja bagi **setiap satu nama**.
- 1.4 Setiap Sekolah Menengah / Pra-Universiti / IBTE hanya dibenarkan untuk menghantar **satu rekaan / penyertaan** sahaja kecuali **Institusi Pengajian Tinggi** penyertaan adalah **tidak dihadkan**. Keramaian setiap pasukan adalah **tiga (3) orang** pelajar (**warga Negara Brunei sahaja**) bersama seorang guru pembimbing.
- 1.5 Setiap individu hanya dibenarkan menyertai **satu (1) kategori** sahaja.
- 1.6 Setiap Individu / pasukan akan diberikan masa selama **(6) minggu** sahaja untuk menyiapkan hasil ciptaan mereka.

- 1.7 Setiap penyertaan hendaklah menyediakan dan menghantar hasil rekaan cenderamata dalam **dua (2)** bentuk iaitu **'hardcopy'** (dicetak di atas kertas A3 dan ditampalkan pada kertas tebal atau *mounting board*) dan **'softcopy'** (DVD dalam format JPEG atau TIFF) dengan resolusi minimum adalah 1280 x 960 atau menggunakan **'software'** terkini yang bersesuaian.
- 1.8 Bentuk hasil rekaan cenderamata tersebut hendaklah:  
= tidak lebih **7" panjang (L) X 4" Lebar (W) X 8" Tinggi (H)**  
= tidak kurang **6" panjang (L) X 4" lebar (W) X 7" Tinggi (H)**
- 1.9 Penggunaan Gambar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Perasmian dan Kenang-Kenangan.
- 1.10 Logo, Slogan dan **'Caption'** yang digunakan dalam cenderamata hendaklah yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Perasmian dan Kenang-Kenangan.
- 1.11 Logo dan gambar-gambar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang di benarkan hendaklah diletakkan di tempat yang mulia dan bersesuaian.
- 1.12 Keterangan atau penjelasan mengenai hasil rekaan cenderamata serta warna yang digunakan hendaklah dinyatakan dalam bentuk **'power point'**.
- 1.13 Hasil rekaan cenderamata kenangan hendaklah asli dan belum pernah dipertandingkan.

## **2 HAK CIPTA**

- 2.1 Semua lukisan penyertaan dan pemenang adalah menjadi hak milik Urusetia Cenderamata Kenangan Sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.
- 2.2 Penganjur berhak mengubahsuai lukisan yang menang atas persetujuan peserta berkenaan, jika diperlukan.

### 3 KEPUTUSAN

3.1 Keputusan panel hakim adalah muktamad.

### 4 CIRI-CIRI PEMARKAHAN

Bil	Ciri-ciri Pemarkahan	Markah
1	Keaslian dan kesesuaian tema	30 Markah
2	Kreativiti dan Unik	25 Markah
3	Persembahan dan keterampilan ❖ Penilaian secara keseluruhan dari segi kandungannya	25 Markah
4	Warna ❖ Penggunaan warna yang sesuai ❖ Gaya Penggunaan Warna	20 markah
Markah Keseluruhan		100 Markah

### 5 HADIAH

5.1 KATEGORI A: Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam

Bil	Kedudukan	Wang Tunai serta Sijil Penyertaan
1	Juara	BND\$ 600.00 + SIJIL PENYERTAAN
2	Naib Juara	BND\$ 450.00 + SIJIL PENYERTAAN
3	Ketiga	BND\$ 300.00 + SIJIL PENYERTAAN
SAGUHATI (tempat ke 4-10)		BND\$ 150.00 + SIJIL PENYERTAAN

\*\*\*tertakluk kepada perubahan\*\*\*

## 5.2 KATEGORI B: Institut Pengajian Tinggi

Bil	Kedudukan	Wang Tunai serta Sijil Penyertaan
1	Juara	BND\$ 500.00 + PIALA IRINGAN + SIJIL PENYERTAAN
2	Naib Juara	BND\$ 400.00 + PIALA IRINGAN + SIJIL PENYERTAAN
3	Ketiga	BND\$ 300.00 + PIALA IRINGAN + SIJIL PENYERTAAN
SAGUHATI (tempat ke 4-10)		BND\$ 200.00 + SIJIL PENYERTAAN

\*\*\*tertakluk kepada perubahan\*\*\*

## 5.3 KATEGORI C: Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab, Pra-Universiti dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)

Bil	Kedudukan	Wang Tunai serta Sijil Penyertaan
1	Juara	BND\$ 500.00 + PIALA IRINGAN + SIJIL PENYERTAAN
2	Naib Juara	BND\$ 400.00 + PIALA IRINGAN + SIJIL PENYERTAAN
3	Ketiga	BND\$ 300.00 + PIALA IRINGAN + SIJIL PENYERTAAN
SAGUHATI (tempat ke 4-10)		BND\$ 200.00 + SIJIL PENYERTAAN

\*\*\*tertakluk kepada perubahan\*\*\*

## 6 MAKLUMAN

6.1 Borang penyertaan boleh diperolehi dari alamat berikut :

**URUSETIA CENDERAMATA KENANGAN  
SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN  
DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENAIKI TAKHTA  
UNIT AKLI, JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JALAN 10, KAMPONG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN,  
BERAKAS, BC2315, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
TELEFON : 2333041 / 2333043 – EXT 209**

6.2 Logo dan gambar-gambar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Padukan Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dibenarkan boleh didapati dalam bentuk *softcopy* dan pemohon hendaklah membawa pemacu (pendrive) untuk mendapatkan di alamat berikut :

**URUSETIA CENDERAMATA KENANGAN  
SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN  
DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENAIKI TAKHTA  
UNIT AKLI, JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JALAN 10, KAMPONG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN,  
BERAKAS, BC2315, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
TELEFON : 2333041 / 2333043 – EXT 209**

6.3 Hasil rekaan hendaklah dihantar bersama borang yang lengkap dalam sampul surat tidak lewat pada **13hb Julai 2017 (Khamis)** ke Urusetia Cenderamata Kenangan Sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

6.4 Pemenang peraduan akan dihubungi melalui telefon dan persuratan sebaik sahaja penal Hakim selesai membuat penghakiman.

6.5 Syarat dan borang boleh juga didapati melalui Laman Sesawang **[www.moha.gov.bn](http://www.moha.gov.bn)**